

13 MAR 2000

Mahathir-Kompromi

M'SIA SEDIA BERKOMPROMI JIKA SINGAPURA JUGA SEDIA, KATA MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia bersedia untuk berkompromi dengan Singapura bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu dua hala asalkan republik itu juga sanggup berbuat demikian.

"Sebarang isu akan menjadi sukar untuk diselesaikan jika setiap kali kita yang perlu berkompromi," katanya pada persidangan media selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Pelabuhan Tanjung Pelepas 2000 di sini.

"(Mereka) meminta Malaysia untuk berkompromi tetapi pihak lain tidak mahu berkompromi... susahlah sikit," kata beliau.

Perdana Menteri diminta mengulas berhubung beberapa isu yang membabitkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura termasuk soal Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF), soal bekalan air dan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di Tanjong Pagar.

Dr Mahathir berkata soal tanah milik KTM di Tanjong Pagar itu hendaklah diselesaikan secara pakej, dan bukan secara berasingan.

Mengenai laporan akhbar Singapura baru-baru ini bahawa KTM mempunyai tempoh setahun dari sekarang untuk berpindah dari kawasan itu, beliau berkata perkara itu sedang dirundingkan antara kedua-dua negara.

"Saya tidak tahu sama ada ia boleh diselesaikan dalam tempoh setahun atau tidak... saya harap ia dapat diselesaikan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata penyelesaian terhadap isu itu turut melibatkan perkara-perkara lain yang menyentuh hubungan dua hala dan oleh itu, soal tanah KTM di Tanjong Pagar itu perlu diselesaikan secara pakej.

Ketika ditanya bagaimana pula jika isu tanah KTM itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh setahun, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat bila tiba masanya sebab saya tidak boleh ramal apa yang akan berlaku."

Perdana Menteri juga berkata pemilihan pucuk pimpinan Umno pada Mei ini tidak mempunyai kaitan dengan kelewatan mencari jalan penyelesaian mengenai perkara yang membabitkan hubungan dua hala.

Minggu lepas Menteri Luar Singapura Prof S.Jayakumar dilaporkan sebagai berkata bahawa kelewatan mencari jalan penyelesaian mengenai perkara yang membabitkan hubungan dua hala termasuk isu air, tanah dan CPF disebabkan kesibukan Malaysia menghadapi pemilihan Umno.

"Pemilihan ini (Umno) tidak ada kena-mengena dengan itu," kata Dr Mahathir.

Mengenai CPF, Dr Mahathir berkata masalahnya ialah cuma meminta kebenaran untuk mengambil wang terutama bagi rakyat Malaysia dari Semenanjung yang sudah berhenti bekerja di Singapura.

"Ini adalah amalan kita juga. Kalau orang Singapura yang telah berhenti bekerja di Malaysia, dia boleh mengambil wang dia. Orang Sabah dan Sarawak yang bekerja di Singapura apabila sudah berhenti boleh mengambil wang mereka tetapi yang kita hairan mengapa orang Semenanjung tidak boleh," katanya.

Ketika ditanya sama ada langkah republik itu mempunyai sesuatu motif, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh baca hati orang. Saya boleh baca cuma apa yang dia kata."

Semasa sidang kemuncak ASEAN di Hanoi pada bulan Disember 1998, Dr Mahathir dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong bersetuju untuk berunding dan menyelesaikan segala isu dua hala sebagai satu pakej.

Perbalahan tercetus pada Julai 1998 apabila Singapura memberitahu Malaysia bahawa Kuala Lumpur tidak mempunyai kuasa yang sah terhadap

operasi pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Stesen Keretapi Tanjong Pagar selepas Singapura memindahkannya ke Woodlands.

Selain itu, kedua-dua negara juga berbalah berhubung isu dakwaan pencerobohan pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) ke ruang udara Malaysia dan pengeluaran daripada CPF oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung.

-- BERNAMA

MKO NMO